

Tiada individu terkecuali daripada undang-undang - PM

um - 4/1/2019 m/s: 2

KUALA LUMPUR 3 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan tiada peruntukan yang mengecualikan sesiapa pun daripada kedaulatan undang-undang.

Perdana Menteri berkata, kedaulatan undang-undang terpakai kepada semua orang, daripada raja-raja sehinggalah kepada Perdana Menteri dan menteri-menteri, kepada penjawat awam serta rakyat biasa.

"Bagi raja-raja terdapat mahkamah raja tetapi undang-undangnya adalah sama seperti undang-undang yang terpakai bagi rakyat biasa. Raja-raja juga mesti menghormati undang-undang.

"Kita telah bersetuju bahawa Malaysia menerima demokrasi, iaitu pemerintahan oleh rakyat dan untuk rakyat. Ini dicapai melalui persetujuan bersama, dalam bentuk Demokrasi Berparlimen dengan Raja Berperlemba-

gan di peringkat negeri dan Persekutuan.

"Ke arah ini, Perlembagaan dan undang-undang di peringkat yang berlainan telah disebarluaskan. Malangnya beberapa pelanggaran undang-undang telah dilakukan tanpa tindakan diambil oleh agensi penguatkuasaan undang-undang. Dalam kata lain, Kedaulatan Undang-undang telah tidak diendahkan," katanya dalam catatan terkini blog chedet.cc semalam.

Dr. Mahathir menyatakan kebimbangannya apabila melihat pelanggaran undang-undang dilakukan secara terang-terangan atas kepercayaan salah bahawa kekebalan telah diberikan.



DR. MAHATHIR

"Hasilnya boleh diramalkan dan rakyat merana akibat ketidakadilan. Perniagaan tidak boleh dijalankan dengan baik. Harta benda dirampas. Tindakan luar biasa dan salah telah dilakukan," katanya.

Dr. Mahathir berkata aduan awam terhadap mereka yang mencabuli kedaulatan undang-undang adalah sah dan tidak melanggar mana-mana perundangan, malah tidak boleh dianggap sebagai hasutan.

"Mereka akan dianggap sebagai kebebasan berucap. Rakyat boleh membuat laporan terhadap perkara ini atau secara terang-terangan bercakap mengenainya," katanya. - BERNAMA